


MUKTAMAR ISLAM SEDUNIA DI KARACHI

-----*-----*-----

Tiap-tiap bencana ada gunanya – adalah menepati kepada keadaan-keadaan di dalam alam Islami pada masa ini. sesudah berkurun-kurun kedudukan umat Islam menjadi kukar kacir setelah mereka menduduki kemuliaan yang tinggi maka sebagaimana adat pusingan dunia sekarang dari satu masa ke suatu masa keinsafan kepada kemunduran itu telah meresap ke dalam hati orang-orang Islam dan dengan keinsafan itu beberapa muktamar-muktamar Islam telah diadakan dan sekarang dengan berdirinya sebuah kerajaan Islam yang baharu, Pakistan, maka ia telah

membuat suatu langkah mengadakan suatu Muktamar Alam al-Islami (Muktamar Seluruh Alam Islam) yang dianjurkannya diadakan di Karachi pada 9, 10 dan 11 Februari 1951. Muktamar ini ialah muktamar yang pertama diadakan seumpamanya dan pada hari pembukaan muktamar itu Tuan Liaquat Ali Khan Perdana Menteri Pakistan akan membukanya dan di dalam persidangan hari yang pertama Sahibusamahah Haji Amin al-Husaini mujahid Palestin yang terkenal itu akan mengerusikannya. Hari yang kedua persidangan akan dipengerusi oleh Doktor Sukiman




Yang Di-pertua Masyumi Indonesia dan hari yang ketiga dipengerusi oleh al-Alamah Ahmad Hamdi Aksaki, Ketua Jabatan Agama bagi kerajaan Turki, hari yang keempat (persidangan perempuan) dipengerusi oleh Mehmunir Nafis Jaziri isteri kepada Menteri Pelajaran Iran dan hari yang kelima (persidangan pemuda-pemuda Islam) dipengerusi oleh Dr

Tuan Liaquat Ali Khan Perdana Menteri Pakistan sedang diraikan di Amerika. Keraian atasnya itu tidak lain dan tidak bukan ialah kerana melihat bahawa negara Pakistan yang muda itu telah pun mempunyai kedudukan mustahak di dalam percaturan siasah dunia. Gambar menunjukkan Tuan Liaquat Ali Khan sedang memberi ucapan di dalam persidangan parlimen Amerika di dalam masa lawatannya ke sana sedikit masa yang lalu.

Abdul Wahab Azam Basya Menteri Utusan Mesir di Pakistan (anak saudara kepada Abdul Rahman Azam Basya setiausaha Perikatan Negara Arab). Muktamar yang besar ini akan diurus oleh sebanyak 700 orang ahli jawatankuasa

sambutan yang diulukan oleh Tuan Fadhil ar-Rahman Menteri Pelajaran dan Perniagaan Pakistan, rancangan-rancangan yang besar telah diadakan oleh mereka dengan mengadakan pertunjukkan-pertunjukkan kebudayaan Islam dan lain-lainnya sebagai menjadi contoh-contoh kepada ketinggian kebudayaan itu daripada beberapa zaman yang lampau sehingga sekarang. Mukhtamar ini membawa 60 agenda lebih dan jemputan-jemputan telah pun dikeluarkan kepada dunia Islam menghadirinya dan dipercayai bahawa persidangan ini akan mendapat sambutan yang besar dan luar biasa daripada serata dunia.

Di dalam persidangan itu perkara Nadrah juga akan dibawa di dalam mana menjadi bukti dunia Islam memandang bahawa perkara Nadrah itu ialah perkara agama yang mesti dibela oleh mereka. Persidangan ini adalah dijangka dan diharapkan akan membawa natijah-natijah yang lebih baik merapatkan tujuan-tujuan Islam untuk membaiki keadaan dan kedudukannya pada masa yang akan datang terutamanya dalam pancaroba yang sedang dihadapi oleh mereka pada masa ini. Kasih sayang di antara satu golongan dengan satu golongan orang-orang Islam (qaba'il) telah nampak dengan zahir apabila salah satu di antara mereka itu telah menderita dengan kerana penjajahan-penjajahan yang telah menimpa kepada daerah-daerah mereka itu yang menunjukkan bahawa



Sebahagian daripada askar-askar Turki yang tercedera yang berjuang di Korea dibawa balik ke negerinya melalui Singapura. Mereka itu telah singgah di sini selama sehari kemudian belayar semula meneruskan pelayarannya menuju tanah air.

persaudaraan yang rat di antara mereka itu tidak pun boleh dipisahkan oleh sesuatu anasir-anasir oleh kerana mereka itu terikat di dalam suatu perkataan: "Muslim dengan Muslim itu bersaudara" dan pengajaran-pengajaran yang telah ditunjukkan di antara orang-orang Ansar dengan Muhajirin itu mudah-mudahan mulai hidup di antara saudara seseorang Islam itu melebihi daripada saudara seibu sekandung.

Dunia Islam berharap bahawa kesudahan daripada mukhtamar ini kelak akan membawa lagi lebih rapat kerjasama yang ada di antara negara-negara Islam bagi mengawal masalah dan kedudukan mereka itu pada masa yang akan datang.

MAKLUMAT KITA

Oleh kerana keadaan kertas sebegitu tenat maka mulai dari keluaran ini kita terpaksa menaikkan harga majalah kira dari 50 sen menjadi 60 sen dan belanja pos 10 sen. Sungguhpun kita telah menaikannya tetapi kita telah menggunakan kertas yang lebih baik dan dengan seberapa daya insya-Allah akan membaikkan kandungannya dari semasa ke semasa disesuaikan dengan keadaan-keadaan yang berlaku di sekeliling kita mudah-mudahan langkah ini tidak membantutkan pembaca-pembaca daripada membacanya.

Selain daripada sebab-sebab kertas yang tersebut maka majalah kita hanya dicetak dengan berhad supaya dapat kita berkepanjangan menetapkan kandungan-kandungan majalah kita dengan lebih sesuai dan lebih sempurna, jika tidak lebih daripada biasa. Dengan perubahan itu maka harga langganan majalah Qalam ialah seperti berikut:-

6 bulan \$3.60

Setahun \$7.20

Langganan kurang daripada enam bulan tidak diterima.